

SULIT



Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2021/2022

Februari/Mac 2022

HSB334 – Sejarah Asia Selatan

Masa : 24 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA (3) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **EMPAT (4)** soalan, DUA (2) daripada Bahagian A dan DUA (2) daripada Bahagian B. Jika calon menjawab lebih daripada EMPAT (4) soalan hanya EMPAT (4) soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

...2/-

SULIT

Bahagian A

1. Kerajaan Mughal yang berjaya mengasaskan empayar yang luas, stabil dan utuh menjelang pertengahan kurun yang ke-16 telah mengalami kemerosotan sejak pertengahan kurun ke-17. **Telitikan** faktor-faktor yang menyebabkan kemerosotan tersebut.

[100 markah]

2. **Analisiskan** pandangan sesetengah sarjana bahawa kekalahan teruk Maratha pada tangan Afghan dalam Perang Panipat III 1761 tidak menjadi punca kehancuran Empayar Maratha, sebaliknya telah menyemarakkan lagi semangat orang Maratha untuk mengembalikan kegemilangan empayar mereka.

[100 markah]

3. Pendidikan dan budaya Barat yang diperkenalkan oleh pemerintah British sebenarnya telah membawa lebih banyak kebaikan daripada keburukan kepada masyarakat di India. **Analisiskan** kebenaran pernyataan tersebut.

[100 markah]

4. **Telitikan** dakwaan Romesh Dutt (1960) bahawa di sebalik pengenalan dasar pembaharuan ekonomi, pihak British sebenarnya mempunyai niat buruk untuk menghapuskan industri tempatan di India.

[100 markah]

Bahagian B

5. **Nilaikan** secara kritis perdebatan dalam kalangan sarjana tentang persoalan sama ada Dahagi India 1857 dapat diterima sebagai perang pembebasan India ataupun tidak.

[100 markah]

6. "Pada tempoh 1885 hingga 1905 Kongres Kebangsaan India telah bergiat hanya sebagai kelab eksklusif kelas atasan sahaja (Anil Seal, 1968)." **Tafsirkan** kebenaran pandangan ini dengan merujuk kepada isu-isu yang diperjuangkan oleh Kongres Kebangsaan India dalam tempoh tersebut.

[100 markah]

7. **Terangkan** mengapa berlakunya kekerasan dan pertumpahan darah walaupun Mohandas Karamchand Gandhi telah menganjurkan perjuangan pembebasan tanpa penggunaan kekerasan antara tahun 1919 hingga 1920.

[100 markah]